

**UTeM/SH/014/2022**

**SEBUT HARGA UNTUK PELANTIKAN SEBAGAI PANEL EJEN PATEN BAGI KERJA-KERJA PERKHIDMATAN BERKAITAN PENGURUSAN PENDAFTARAN DAN PEMILIKAN HARTA INTELEK PRODUK, REKABENTUK, REKACIPTA, TEKNOLOGI, PERISIAN, FORMULASI ATAU PROSES YANG BERASASKAN PENYELIDIKAN & INOVASI UTeM.**

Tarikh Sebut Harga Dipamer	7 APRIL 2022	Harga Naskah Meja	RM17.00
Tarikh Sebut Harga Dijual	7 APRIL 2022 HINGGA 20 APRIL 2022		
Tarikh & Masa Sebut Harga Ditutup	21 APRIL 2022 Sebelum Jam 12:00 Tengahari		
Tempoh Penerimaan Dokumen Tawaran	18 HINGGA 21 APRIL 2022 Sebelum Jam 12:00 Tengahari		

**WAKTU PEMBELIAN NASKAH SEBUT HARGA UTeM:**

Hari Operasi	Waktu
Isnin hingga Jumaat	Dalam tempoh 24 jam selepas pembayaran dilakukan.
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Dalam tempoh 24 jam pada hari operasi berikutnya.

**ARAHAN DAN MAKLUMAT KEPADA PEMBEKAL / KONTRAKTOR / SYARIKAT**

- Sebut harga ini dipelawa kepada pembekal yang dimiliki 100% oleh rakyat tempatan dan memiliki sijil-sijil seperti berikut:
  - SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN, KOD BIDANG: 222007** (Editorial, Rekabentuk Grafik, Seni Halus Dan Harta Intelek:- Pengkomersilan) **DAN 222008** (Editorial, Rekabentuk Grafik, Seni Halus Dan Harta Intelek:- Hak Harta Intelek (patent))
- Pembelian Naskah Sebut Harga:**
  - Penyebut Harga yang berminat dengan tawaran sebut harga ini boleh **membeli Naskah Sebut Harga secara atas talian sahaja.**
  - Penyebut Harga perlu **memastikan syarikat memiliki sijil-sijil yang dinyatakan dan kod bidang yang ditetapkan**, penyertaan akan **DIBATALKAN** sekiranya tidak memenuhi syarat ini.
  - Penyebut Harga yang **berdaftar dan aktif dalam e-Vendor UTeM sahaja dibenarkan untuk membuat pembelian naskah sebut harga ini.** Sekiranya pembekal masih belum berdaftar dengan sistem e-Vendors UTeM, syarikat boleh mendaftar dengan UTeM secara online melalui <https://portal.utem.edu.my/iclm/> dan mengemukakan secara e-mel salinan dokumen pendaftaran/sijil ke [perolehan@utem.edu.my](mailto:perolehan@utem.edu.my). Kegagalan mematuhi syarat ini menyebabkan penyertaan syarikat **DIBATALKAN.**
  - Penyebut Harga perlu memastikan Perkara 2.b dan 2.c dipatuhi sebelum membuat pembayaran secara atas talian di link berikut: <https://epayment.utem.edu.my/perolehan/>
  - Dokumen Sebut Harga akan diemelkan kepada Penyebut Harga **setelah pembayaran diterima.**
  - Pihak Universiti berhak untuk **tidak mengembalikan bayaran yang telah dilakukan** sekiranya didapati **syarikat tidak memenuhi syarat yang telah dinyatakan** pada Kenyataan Sebut Harga ini.

**UTeM/SH/014/2022**

3. Kaedah Penghantaran Tawaran Sebut Harga adalah melalui serahan tangan ATAU Pos Berdaftar / Kurier seperti berikut:
- a. Penghantaran secara serahan tangan
    - i. Dokumen Sebut Harga perlu **dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy)** dan perlu dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri**. Penyebut Harga perlu **memastikan nombor sebut harga dipaparkan pada sampul surat tersebut**.
    - ii. Penyebut Harga hanya perlu menunjukkan **paparan aplikasi MySejahtera** dengan **Status Risiko Covid-19** dan **Status Vaksinasi** yang telah dikemaskini di telefon pintar kepada anggota keselamatan UTeM yang bertugas.
    - iii. Penyebut Harga perlu memasukkan dokumen tawaran sebut harga ke dalam **peti sebut harga yang betul di Kaunter Unit Perolehan, Pejabat Bendahari sebelum jam 12:00 tengahari** pada hari sebut harga ditutup. Sebarang kelewatan penghantaran dokumen tidak akan dilayan.
  - b. Penghantaran secara Pos Berdaftar / Kurier
    - i. Dokumen Sebut Harga perlu **dihantar dalam bentuk naskah cetakan (hardcopy)** dan perlu dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri**.
    - ii. **Penyerahan/penerimaan dokumen Sebut Harga melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier** di alamat yang dinyatakan dan penerimaan berpusat di **Unit Mel UTeM** bermula dari **18 HINGGA 21 APRIL 2022**. Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan **sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari**. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
    - iii. **Tarikh dan masa tutup Sebut Harga dikira** semasa dokumen tawaran berada di Unit Mel UTeM sahaja. Penyebut Harga **perlu mengambil kira tempoh penghantaran dokumen tersebut** menepati tarikh dan masa tutup Sebut Harga ini.
    - iv. Setiap sampul tawaran Sebut Harga yang dipos oleh Penyebut Harga hanya untuk **SATU (1) tawaran sahaja daripada SATU (1) syarikat** bagi memudahkan proses penerimaan dan rekod dokumen.
    - v. Dokumen tawaran Sebut Harga perlu dialamatkan ke **UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/014/2022, PEJABAT BENDAHARI, UNIT MEL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, KAMPUS TEKNOLOGI, JALAN TTU 43, AYER KEROH 75450 MELAKA**.
    - vi. Syarikat perlu **menggunakan alamat syarikat yang berdaftar sebagai rujukan pengirim** pada dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos berdaftar/ kurier bagi memudahkan proses penerimaan dan rujukan.
    - vii. Sampul Surat Besar yang digunakan untuk penghantaran dokumen tawaran sebut harga ini perlu menyatakan **NO. SEBUT HARGA di penjuru atas sebelah kiri** sampul surat tersebut dan **menyatakan alamat seperti di atas di ruangan tengah** sampul surat besar tersebut. (sila lihat contoh).

**UTeM/SH/014/2022**

**UTeM/SH/014/2022**

**UNIT PEROLEHAN - UTeM/SH/014/2022,  
PEJABAT BENDAHARI,  
UNIT MEL UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA,  
KAMPUS TEKNOLOGI, JALAN TTU 43,  
AYER KEROH 75450 MELAKA.**

*Contoh paparan alamat di muka depan sampul surat besar.*

  
.....  
Tandatangan

**KHAIRUL ANWAR B. ABD. TAHRIM**  
Penolong Bendahari Kanan  
Pejabat Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Cap Jawatan